KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

PENINGKATAN BERTERUSAN KES DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

(Bagi Minggu 22 tahun 2015 dari 31 Mei hingga 6 Jun 2015)

Tren kes denggi di seluruh negara masih menunjukkan peningkatan sejak 3 minggu lepas. Pada minggu ke-22 iaitu bagi tempoh 31 Mei hingga 6 Jun, jumlah kes yang dilaporkan 8% lebih tinggi dari minggu sebelumnya di mana sebanyak 2,201 kes dilaporkan berbanding dengan hanya 2,042 kes pada minggu ke-21. Terdapat tujuh (7) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 114 kes (9.9%), Melaka 46 kes (191.7%), Pahang 27 kes (112.5%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 24 kes (16.4%), Negeri Sembilan 7 kes (29.2%), Kedah 5 kes (26.3%) dan Johor 5 kes (112.%). Dari Januari hingga 6 Jun 2015, jumlah kumulatif kes denggi adalah 49,313 kes iaitu peningkatan sebanyak 34% (12,488 kes) berbanding dengan 36,825 kes untuk tempoh yang sama tahun 2014.

Perubahan tren dan peningkatan kes ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti berikut :

i. Perubahan serotaip virus denggi (*serotype shift*) pada hujung bulan April yang boleh menyebabkan peningkatan kes dan kematian beberapa bulan selepas itu.
ii. *Cyclical pattern* atau tren kes denggi pada tahun sebelumnya menunjukkan peningkatan kes puncak berlaku dari bulan Julai hingga

September. Berdasarkan tren yang ditunjukkan sekarang, kes dijangka memuncak pada penghujung bulan Ramadhan dan awal bulan Syawal.

iii. Persekitaran yang tidak bersih iaitu kadar pembiakan aedes yang masih tinggi dengan purata 2% setiap minggu, melebihi paras sensitif iaitu < 1%. Ini menunjukkan populasi nyamuk yang menyebarkan virus denggi di kalangan komuniti juga masih tinggi.

Jumlah kematian denggi meningkat 100% pada tahun ini, di mana dari Januari hingga 6 Jun 2015 terdapat 144 kematian dilaporkan berbanding dengan 72 kematian pada tempoh sama 2014. Komplikasi demam denggi seperti kegagalan fungsi organ hati dan buah pinggang serta *shock syndrome* lebih kerap berlaku pada pesakit yang dijangkiti penyakit demam denggi.

Bagi tempoh yang sama, jumlah lokaliti wabak dan *hot spot* turut meningkat yang mana dari 725 lokaliti wabak pada minggu ke-21 kepada 793 lokaliti wabak pada minggu ke-22 iaitu dengan peningkatan 9% seminggu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 84 lokaliti *hot spot* dilaporkan iaitu sebanyak 69 *hot spot* adalah di Selangor, 7 *hot spot* di Pulau Pinang, 6 *hot spot* di Perak, dan 2 *hot spot* di Johor.

Dengan peningkatan tren kes denggi yang membimbangkan, tindakan bersama oleh KKM, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi lain telah dilaksanakan secara bersepadu untuk mengurangkan kejadian kes pada masa ini. Antara tindakan bersepadu yang dilakukan ialah :

i. Menjalankan aktiviti penguatkuasaan iaitu Ops Tempur Binaan Aedes di tapak binaan pada 10 Februari hingga 7 Jun 2015 di

negeri Selangor. Hasil daripada Ops Tempur Tapak Binaan yang telah dijalankan sebanyak 131 tapak binaan telah diperiksa dan 113 (86%) tapak binaan mempunyai pembiakan nyamuk Aedes dan 94 daripadanya telah diberi perintah penutupan. Di samping itu, bagi 113 tapak binaan yang didapati positif pembiakan nyamuk kesemuanya akan didakwa di mahkamah.

ii. Selain itu langkah kawalan bersepadu di antara KKM dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dilaksanakan di antara 8 hingga 14 Jun 2015 di negeri Selangor, di mana *fogging* secara besar-besaran dan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan telah dilakukan pada waktu tersebut.

Kesedaran masyarakat dan semua pihak untuk melaksanakan tindakan "cari dan musnah" tempat pembiakan Aedes setiap minggu akan dapat mencegah daripada kes dan kematian denggi terus meningkat. Semua pihak perlulah bertindak segera memulakan aktiviti membersihkan persekitaran dalam dan luar rumah atau premis masing-masing dari sekarang.

Kementerian Kesihatan akan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan dan bagi premis tapak binaan yang dijumpai positif pembiakan akan diarahkan tutup selama 2 minggu. Manakala premis kediaman atau orang awam yang dijumpai membiak Aedes akan dikenakan kompaun maksima RM 500.

DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

12 JUN 2015

LAMPIRAN 1

SITUASI DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA 6 JUN 2015

Bil	Negeri	Jumlah Kes Terkumpul Jan. sehingga 6 Jun 2015		Jumlah Kes Terkumpul untuk tempoh sama bagi 2014	
		KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
1	Perlis	110	1	73	0
2	Kedah	414	3	382	3
3	Penang	2,377	6	777	3
4	Perak	5,207	12	2,404	7
5	Selangor	28,549	72	21,093	28
6	WPKL & Putrajaya	3,108	17	3,161	4
7	N Sembilan	816	7	1,802	3
8	Melaka	833	3	1,060	4
9	Johor	3,195	7	2,129	12
10	Pahang	1,092	5	493	0
11	Terengganu	483	2	328	1
12	Kelantan	683	3	2,067	4
13	Sarawak	1,120	2	526	2
14	Sabah	1,324	4	519	1
15	WP Labuan	2	0	11	0
	Malaysia	49,313	144	36,825	72

*** Sumber :**
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN 2

LOKALITI WABAK DAN HOTSPOT DENGGI (SEHINGGA 6 JUN 2015)

NEGERI	JUMLAH WABAK	HOTSPOT
PERLIS	**0**	**0**
KEDAH	**3**	**0**
PENANG	**36**	**7**
PERAK	**69**	**6**
SELANGOR	**487**	**69**
WPKL & PUTRAJAYA	**22**	**0**
NEGERI SEMBILAN	**6**	**0**
MELAKA	**2**	**0**
JOHOR	**64**	**2**
PAHANG	**6**	**0**
TERENGGANU	**1**	**0**
KELANTAN	**1**	**0**
SARAWAK	**8**	**0**
SABAH	**4**	**0**
LABUAN	**0**	**0**
JUMLAH	**709**	**84**

Sumber: eDengue

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 06 JUN 2015 (Mg 22).

Bil.	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	A.I (%)	B.I
1	Perak	Kinta	Kg Das Tambahan 2	**96**	**212**	**13.7**	**14**
2	Perak	Kinta	Tmn Cempaka	**102**	**184**	**0.1**	**0**
3	Selangor	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	**103**	**175**	**7.7**	**8**
4	Selangor	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	**105**	**154**	**2.9**	**3**
5	Selangor	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	**43**	**134**	**17.9**	**18**
6	Selangor	Sepang	The Arc Condo	**60**	**133**	**2.9**	**3**
7	Selangor	Petaling	Usj 14 (Subang Perdana Goodyear Court 9)	**28**	**115**	**0**	**0**
8	Selangor	Petaling	Ss 17/3	**24**	**103**	**22**	**22**
9	Selangor	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Sri Kelana Kondo	**78**	**76**	**21.4**	**21**
10	Selangor	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	**24**	**76**	**0**	**0**
11	Selangor	Gombak	Tmn Desa Jaya	**12**	**74**	**5.9**	**6**
12	Selangor	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	**20**	**74**	**4.2**	**4**
13	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	**40**	**69**	**0**	**0**
14	Selangor	Petaling	Bl Pju 6a Puncak Damansara Kondo	**17**	**65**	**0**	**0**
15	Selangor	Hulu Langat	Appt Taman Tropika	**26**	**63**	**9.1**	**9**
16	Selangor	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	**14**	**60**	**18.2**	**18**
17	Selangor	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Nusa Kelana Kondo	**24**	**59**	**9.1**	**9**
18	Perak	Kinta	Kg Dato Ahmad Said	**20**	**59**	**4.4**	**4**
19	Selangor	Sepang	Apt Cempaka, Bkt Puchong 2	**15**	**58**	**3**	**3**
20	Selangor	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	**12**	**55**	**0**	**0**
21	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	**24**	**55**	**0**	**0**
22	Selangor	Petaling	Bl Pju 10 Saujana	**11**	**53**	**20.7**	**21**

Bil.	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	A.I (%)	B.I
			Damansara (A) : Jln 10/13, 10/14				
23	Pulau Pinang	Timur Laut	Jalan Perak	**9**	**52**	**2.7**	**3**
24	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Jln Indah 1)	**15**	**52**	**0**	**0**
25	Selangor	Sepang	Shaftbury Residence	**23**	**52**	**3**	**3**
26	Selangor	Hulu Langat	Appt Seksyen 4 Bandar Bukit Mahkota	**15**	**51**	**12.5**	**13**
27	Perak	Kinta	Tmn Silibin	**12**	**49**	**2**	**2**
28	Selangor	Hulu Langat	Taman Damai Jaya	**23**	**48**	**10.5**	**11**
29	Selangor	Petaling	Bdr Puteri 11	**18**	**48**	**9.1**	**9**
30	Selangor	Hulu Langat	Jalan 5/11-16 Taman West Country	**8**	**47**	**30**	**30**
31	Pulau Pinang	Timur Laut	Jalan Pasar	**42**	**46**	**21.7**	**22**
32	Selangor	Petaling	Seksyen 27 (Flat A : Blok 1 - 22)	**7**	**46**	**1.4**	**1**
33	Selangor	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	**10**	**46**	**0**	**0**
34	Selangor	Sepang	Cyberia Condominium	**40**	**46**	**3**	**3**
35	Selangor	Sepang	Serin Cyberjaya	**62**	**46**	**2.9**	**3**
36	Selangor	Kuala Langat	Taman Setia Jaya	**8**	**45**	**3.3**	**3**
37	Selangor	Sepang	Uni.Tenaga Nasional	**34**	**45**	**2.9**	**3**
38	Selangor	Petaling	Du Ss 2 (1)	**9**	**44**	**5.4**	**5**
39	Perak	Kinta	Tmn Anggerik	**11**	**43**	**2.3**	**2**
40	Selangor	Petaling	Sri Ss 8 Flat Pkns (Gabung Dgn Flat Pkns Ss 3/39)	**18**	**43**	**3.7**	**4**
41	Selangor	Petaling	Seksyen U10 (Sandaran Permai : Jln U10/52 - U10/56b)	**9**	**42**	**1.4**	**1**
42	Selangor	Hulu Langat	Appt Taman Sri Kenari	**10**	**41**	**3.9**	**4**
43	Selangor	Petaling	Seksyen U12 (Pangsapuri Sri Pegaga : Jln U12/1)	**12**	**41**	**66.7**	**67**
44	Selangor	Petaling	Ss 15/4 (Rumah Kedai, First Subang & Kolej Inti)	**7**	**41**	**13.8**	**14**
45	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Perdana	**11**	**41**	**0**	**0**

Bil.	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	A.I (%)	B.I
			(Jln Teratai)				
46	Selangor	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	**6**	**41**	**40**	**40**
47	Selangor	Hulu Langat	Appt Taman Setia Balakong	**14**	**40**	**15**	**15**
48	Perak	Kinta	Kb Gunung Hijau	**18**	**39**	**2.4**	**2**
49	Selangor	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 10 D'rozelle Kondo	**14**	**39**	**2.7**	**3**
50	Selangor	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 5 Sepah Puteri (Jalan 5/20 - 5/27)	**11**	**39**	**0**	**0**
51	Selangor	Sepang	Unipark Condo	**15**	**39**	**3**	**3**
52	Pulau Pinang	Timur Laut	Jalan Scotland	**21**	**38**	**2.3**	**2**
53	Selangor	Hulu Langat	Lorong Cantik Kampung Pandan Dalam	**7**	**38**	**0**	**0**
54	Selangor	Hulu Langat	Taman Sri Kantan	**11**	**38**	**27.3**	**27**
55	Selangor	Petaling	Seksyen 10 (Teres : Jln 10/1 - 10/14)	**10**	**38**	**22.2**	**22**
56	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunsfield Riverview)	**19**	**38**	**0**	**0**
57	Selangor	Hulu Langat	Jalan Dp 4 Bandar Damai Perdana	**8**	**37**	**20**	**20**
58	Selangor	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Impian Putra	**23**	**37**	**11.1**	**11**
59	Selangor	Petaling	Bt 13 Kg Sri Aman (Jln Berkat)	**6**	**36**	**33.3**	**33**
60	Selangor	Petaling	Usj 9/5	**10**	**36**	**8.1**	**8**
61	Pulau Pinang	Barat Daya	D'piazza Condominium	**13**	**35**	**50**	**50**
62	Selangor	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	**10**	**35**	**13.9**	**14**
63	Selangor	Petaling	Ss 18/1	**36**	**35**	**4.2**	**4**
64	Johor	Johor Bharu	Felda Ulu Tebrau	**7**	**35**	**5.7**	**6**
65	Pulau Pinang	Timur Laut	Jalan Sek.La Salle	**21**	**34**	**4.4**	**4**
66	Selangor	Petaling	Seksyen 24 (Flat B : Blok 10 - 21)	**17**	**34**	**10.9**	**11**
67	Selangor	Petaling	Bl Pju 6a Pelangi	**9**	**34**	**0**	**0**

Bil.	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	A.I (%)	B.I
			Damansara Kondo (Jln Masjid)				
68	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Flat)	**11**	**34**	**4**	**4**
69	Selangor	Gombak	Appt Sri Ehsan	**7**	**33**	**5.7**	**6**
70	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	**8**	**33**	**3.1**	**3**
71	Selangor	Petaling	Du Ss 22a	**8**	**33**	**12.5**	**13**
72	Selangor	Petaling	Sri Pjs 8 Flat Pkns	**6**	**33**	**0**	**0**
73	Selangor	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	**14**	**33**	**35.7**	**36**
74	Selangor	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai & Rumah Kedai)	**12**	**33**	**0**	**0**
75	Selangor	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Appt Ruselia)	**7**	**33**	**0**	**0**
76	Selangor	Hulu Langat	Kuarters Pendidikan Cheras Indah	**7**	**32**	**6.3**	**6**
77	Selangor	Hulu Langat	Jalan 3/23-28,3/35-37 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	**21**	**32**	**12.5**	**13**
78	Selangor	Hulu Langat	Jalan Impian Jaya Saujana Impian	**4**	**32**	**9.1**	**9**
79	Selangor	Petaling	Du Ss 23 (1)	**6**	**32**	**3.9**	**4**
80	**Selangor**	**Petaling**	**Pjs 11 (Sun U Apartment)**	**5**	**32**	**27.8**	**28**
81	**Pulau Pinang**	**Timur Laut**	**Jalan Kim Bian Aik**	**9**	**31**	**11**	**11**
82	**Selangor**	**Hulu Langat**	**Jalan 2/1 Seksyen 2 Bandar Baru Bangi**	**9**	**31**	**8.3**	**8**
83	**Johor**	**Johor Bharu**	**Flat Sri Setanggi_Tmn Sri Setanggi**	**19**	**31**	**0**	**0**
84	**Pulau Pinang**	**Timur Laut**	**Taman Sri Perak**	**4**	**30**	**1.8**	**2**